

**MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN
PERSATUAN PUSTAKAWAN MALAYSIA (PPM)
TAHUN 2014/2015**

Tarikh : 30 Mac 2015 / 9 Jamadil Akhir 1436 (Isnin)
Masa : 9:30 pagi-1:30 petang
Tempat : Auditorium, Perpustakaan Negara Malaysia
232, Jalan Tun Razak 50572 Kuala Lumpur

Kehadiran: Seramai 279 orang telah hadir (Sila rujuk Lampiran 1: Senarai kehadiran)

MAJLIS PERASMIAN – Mesyuarat agung telah dirasmikan oleh Y.Brs. Puan Hajjah Nafisah Ahmad, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia. Laporan ringkas acara dan ucapan perasmian disertakan (Lampiran 2: Laporan Majlis Perasmian MAT 2015).

PERJALANAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN 2015

1. Ucapan alu-aluan YBrs. Pesiden PPM

Dr. Nor Edzan Che Nasir selaku Pengerusi Mesyuarat Agung Tahunan PPM 2015 mengalu-alukan kedatangan dan kehadiran semua ahli. Pengerusi memaklumkan seramai 279 ahli hadir dan jumlah ini melebihi syarat korum minima. Beliau merakamkan ucapan terima kasih kepada perasmi Y.Brs. Puan Hajjah Nafisah Ahmad, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia dan juga kepada Perpustakaan Negara Malaysia selaku hos bagi MAT 2015.

Makluman

2. Membentang serta mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan PPM 2014

Minit MAT 2014 yang diadakan pada 14 April 2014 telah dibentangkan. Cik Sutarmi Kasimun (P 0625) telah mencadangkan minit mesyuarat diluluskan dan disokong oleh Encik Japri Bujang Masli (P 0812).

Makluman

2.1 Perkara Berbangkit

1. Keahlian - Cadangan-cadangan yang dibuat oleh ahli untuk mempertingkatkan jumlah keahlian akan dikaji dan diselaraskan oleh Jawatankuasa Keahlian yang dipengerusikan oleh Puan Khasiah Zakaria. Ini melibatkan pengutipan yuran tahunan dari ahli berdaftar, portal keahlian, projek ahli mencari ahli, ahli institusi dan ahli gabungan, keahlian pelajar sains maklumat dan perpustakaan, pembaharuan keahlian dan bayaran yuran secara atas talian, dan syarat keahlian di kalangan pemenang pelajar terbaik.

Makluman

2. Emel korporat PPM – sedang diusahakan oleh Jawatankuasa Teknologi Maklumat yang dipengerusikan oleh Encik Azlan Mohamad Hamzah.

Tindakan: Majlis PPM

3. Pelan strategik PPM – sedang menggunakan pelan strategik yang dirangka bagi 2014-2016.

Tindakan: Majlis PPM

4. Peruntukan mengawal selia profesyen yang dikatakan pernah dicadangkan dalam draf Rang Undang-undang Perpustakaan Negara Malaysia – usaha telah dilakukan untuk mengesan peruntukan ini tetapi ia gagal dikesan.

Makluman

5. Penubuhan Unit Konsultansi – akan diusahakan.

Tindakan: Majlis PPM

6. Perjawatan di perpustakaan awam – JPA telah meluluskan skim kenaikan pangkat secara fleksi pada 1 April 2014.

Makluman

3. Menerima serta menimbangkan Laporan Tahunan PPM 2014

Pengerusi telah membentangkan Laporan Tahunan PPM 2014 yang merangkumi Laporan Majlis, Laporan Jawatankuasa & Kumpulan, dan Penyata Kewangan.

3.1 Laporan Majlis

Laporan Majlis bagi tempoh 2014 telah dibentangkan.

- 3.1.1 Majlis PPM sesi 2014/2015 adalah seperti berikut dan sehingga kini sebanyak 10 mesyuarat majlis telah diadakan.

Pemegang jawatan utama yang dipilih:

Presiden: Dr. Nor Edzan Haji Che Nasir

Jawatan yang diperuntukkan:

Mantan Presiden Terkini: Puan Maimunah Kadir

Ahli yang dipilih dan dilantik memegang jawatan

Naib Presiden I: Puan Hasnita Ibrahim

Naib Presiden II: Dr. Basri Hassan

Bendahari Kehormat: Cik Rohaya Umar

Setiausaha Kehormat: Puan Ratnawati Sari Mohamad Amin

Pen. Bendahari Kehormat: Encik Azlan Mohamad Hamzah

Ahli Majlis yang dipilih:

Ahli Majlis: Puan Engku Razifah Engku Chik

Ahli Majlis: Puan Khasiah Zakaria

Ahli Majlis: Puan Siti Sumaizan Ramli

Ahli Majlis: Puan Nurul Sha'dah A. Kalam

Ahli Majlis yang dilantik mengikut perlembagaan PPM:

Pen. Setiausaha Kehormat: Puan Shamsiah Abu Bakar

Ahli Majlis: Puan Hajjah Nafisah Ahmad

Ahli Majlis: Puan Chin Loy Jyoon

Ahli Majlis: Puan Rashidah Bolhassan

- 3.1.2 Ahli yang dilantik oleh Mesyuarat Agung Tahunan ialah:
- | | |
|--------------------|------------------------------|
| Juruaudit Kehormat | Puan Faridah Talib (P 1434) |
| | Encik Hasbullah Atan (P 380) |
- Pemegang Amanah PPM yang tempoh pelantikannya tidak ditentukan:
- | | |
|--|--|
| | Tuan Syed Salim Agha Syed Azmatullah (L 002) |
| | Puan Rohani Zainal Abidin (L 038) |
- Pemerhati
- | | |
|--|--------------------------------|
| | Dato' Dr. Zaiton Osman (L 042) |
| | Dato' Zawiyah Baba (L 035) |
- 3.1.3 Pengerusi Jawatankuasa & Kumpulan yang dilantik adalah seperti berikut:
- A. Jawatankuasa Tetap
- | | |
|--|------------------------------|
| i. Jawatankuasa Tetap Perpustakaan Akademik: | Puan Faridah Hj Md Amin |
| ii. Jawatankuasa Tetap Perpustakaan Khusus: | Puan Nurul Sha'adah A. Kalam |
| iii. Jawatankuasa Tetap Perpustakaan Awam: | Puan Rashidah Bolhassan |
| iv. Jawatankuasa Tetap Perkhidmatan Perpustakaan Kepada Golongan Khas: | Puan Habsah Abdul Rahman |
| v. Jawatankuasa Tetap Penerbitan Berita & Jurnal PPM: | Puan Siti Sumaizan Ramli |
| vi. Jawatankuasa Tetap Teknologi Maklumat: | Encik Azlan Mohamad Hamzah |
| viii. Jawatankuasa Tetap Keahlian dan Promosi: | Puan Khasiah Zakaria |
| vix. Jawatankuasa Tetap Pendidikan Sains Maklumat dan Perpustakaan: | Dr. Basri Hassan |
- B. Jawatankuasa Khusus
- | | |
|--|-----------------------------|
| i. Kumpulan Perpustakaan Perubatan: | YM Engku Razifah Engku Chik |
| ii. Kumpulan Perpustakaan Undang-undang: | Puan Lisdar Abdul Wahid |
| iii. Kumpulan Perpustakaan Islam: | Dr. Wan Ali Wan Mamat |
- C. Jawatankuasa Kecil dan Sementara
- | | |
|--------------------------------------|---------------------|
| i. Jawatankuasa Kecil Bangunan PPM: | Encik Kamal Sujak |
| ii. Jawatankuasa Anugerah PPM: | Dr. Basri Hassan |
| iii. Jawatankuasa Kecil Pelaburan: | Puan Linda Yip |
| iv. Jawatankuasa Kecil Sumber Media: | Puan Balqis Suja' |
| v. Jawatankuasa Kecil Sosial: | Puan Chin Loy Jyoon |
- D. Kumpulan PPM
- | | |
|---------------------------|--------------------------|
| i. PPM Kumpulan Sabah: | Encik Zawawi Tiyunin |
| ii. PPM Kumpulan Sarawak: | Encik Japri Bujang Masli |
| iii. PPM Kumpulan Utara: | Encik Hashimi Hassan |
| iv. PPM Kumpulan Selatan: | Puan Noraziah Sharudin |
| v. PPM Kumpulan Timur: | Puan Rugayah Ali |

Senarai jawatankuasa, kumpulan dan aktiviti dilaporkan sepertimana telah diedarkan melalui laman sesawang PPM (<http://ppm55.org>).

- 3.1.4 Sanggar Kerja Tahunan PPM telah diadakan pada 24 hingga 25 Januari 2015 (Sabtu hingga Ahad) dan dihadiri oleh Ahli Majlis, Pengerusi Jawatankuasa dan Pengerusi & Setiausaha Kumpulan. Laporan sanggar diedarkan kepada 25 orang hadirin (termasuk Pegawai Eksekutif).
- 3.1.5 Keseluruhan ahli semasa 2014 ialah 411 ahli berbanding dengan 649 pada 2013.
- 3.1.6 Jawatankuasa Kecil Anugerah PPM telah melaksanakan penganugerahan Pelajar Terbaik Sains Maklumat dan Perpustakaan iaitu:
- Pingat Emas Pelajar Terbaik Sarjana Muda Sains Perpustakaan (UiTM) – Cik Siti Noraishah Ismail
 - Pingat Emas Pelajar Terbaik Sarjana Sains Perpustakaan (UIAM) – Puan Fairus Nawar Mansor
 - Pingat Emas Tesis Terbaik Program Pasca Ijazah Sains Perpustakaan (UM) – Puan Nor Kamisah Yusof
- 3.1.7 Dr. Nor Edzan Che Nasir dan Puan Hasnita Ibrahim serta wakil Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, Puan Chin Loy Jyoon telah menghadiri 2nd Executive Board Meeting CONSAL XVI di Chiangmai, Thailand pada 7-9 Mei 2014.
- 3.1.8 PPM mempunyai wakil dalam pihak berkuasa / Lembaga Perpustakaan Awam Negeri berikut:
- | | |
|---------------------|-------------------------------------|
| Johor | Tiada peruntukan dalam perlembagaan |
| Kedah | Encik Salleh Huddin Mustafa |
| Kelantan | YM Engku Razifah Engku Chik |
| Melaka | Puan Faridah Haji Mohd Amin |
| Negeri Sembilan | Puan Ratnawati Sari Mohamad Amin |
| Pahang | Tiada peruntukan dalam perlembagaan |
| Perak | Puan Rusliza Yaacob |
| Perlis | Puan Mazmin Mat Akhir |
| Pulau Pinang | Puan Habsah Abdul Rahman |
| Selangor | Encik Kamal Sujak |
| Terengganu | Hajjah Rohani Othman |
| Wilayah Persekutuan | Tiada peruntukan dalam perlembagaan |
- 3.1.9 Aktiviti pembangunan profesion dan kerjaya meliputi:
- Bengkel KMaya - 14 Ogos 2014, BERNAMA Library, Kuala Lumpur
 - Bengkel Penganjuran Aktiviti 2014 - 15 Ogos 2014, Pejabat Sekretariat PPM, Kuala Lumpur
 - Pakej ke IFLA, Lyon Paris - 16 hingga 22 Ogos 2014, Lyon, France
 - Seminar Kepustakawanan Islam (kerjasama dengan IKIM) - 4 hingga 5 September 2014, IKIM, Kuala Lumpur
 - International Conference on Information: Exploring the Future (anjaran bersama Fakulti Pengajian Maklumat UiTM Cawangan Johor) - 10 hingga 11 September 2014, Hotel KSL, Johor Bahru
 - Kursus Perkhidmatan Kaunter Berkualiti dan Komunikasi Berkesan - 18 hingga 19 September 2014, PJ Community Library, Petaling Jaya

- g. Pakej ke OCLC, Asia Pacific Regional Council 6th Membership Conference - 11-16 Oktober 2014, Jeju, Korea
- h. Program Sijil Pembantu Perpustakaan: Modul 1 & 2 - 2 hingga 6 Mac 2015, Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM, Bangi

3.1.10 Aktiviti advokasi perpustakaan dan masyarakat meliputi:

- a. Perpustakaan Desa – Sg Lui, kerjasama dengan Rotary Club & PNM - 28 Disember 2014 dan 14 Januari 2015, Sg Lui.

3.1.11 Aktiviti perhubungan anggota dan hubungan komuniti:

- a. Majlis Ramah Mesra, Sekalung Budi Setulus Hati - 6 September 2014, Bangi Golf Resort, Bangi
- b. Majlis Tahlil - 13 Disember 2014, Pejabat Sekretariat PPM, Kuala Lumpur
- c. Sanggar Kerja Tahunan PPM 2015 - 24-25 Januari 2015, Empress Hotel, Sepang

3.1.12 PPM berjaya mengekalkan penerbitan berkala yang konsisten

- a. *Jurnal PPM* Jilid 8, 2014
- b. *Berita PPM*, Jan-Jun 2014 & Julai-Disember 2014.

Laporan Tahunan Majlis PPM 2014/2015 telah diluluskan dengan cadangan oleh Puan Faridah Hj Md. Amin (P 0609) dan disokong oleh Puan Siti Sumaizan Ramli (P 0446).

Makluman

4 Menerima serta menimbangkan penyata kira-kira 2014

Penyata kira-kira PPM yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 telah dibentangkan oleh Bendahari Kehormat. PPM memperoleh lebih pendapatan RM905,109.29 berbanding RM50,401.03 (2013); dan perbelanjaan bertambah kepada RM542,565.67 berbanding RM405,191.90 (2013). Aset semasa bersih berjumlah RM2,488,732.64 berbanding RM1,711,065.95 (2013), sementara jumlah aset meningkat daripada RM1,990,498.35 (2013) kepada RM2,488,736.64

4.1 Perbincangan ke atas penyata kewangan.

1. Puan Hafsa Mohd (P 0650) memohon penjelasan tentang Aset Tetap berjumlah RM4 bagi tahun 2014. Bendahari menjelaskan jawapan terdapat di mukasurat 12 Laporan Kewangan 2014.

Makluman

2. Dato' Zawiyah Baba (L 035) memohon penjelasan mengenai penjualan bangunan. Presiden menjelaskan bangunan PPM telah berjaya dijual pada Januari 2015. Buat masa kini, pembelian bangunan baru ditangguhkan sehingga kedudukan kewangan PPM lebih kukuh.

Makluman

Penyata tahunan termasuk penyata kira-kiranya diluluskan dengan cadangan oleh Encik Mohammed Dzulkarnain Abdul Karim (P 0728) dan disokong oleh Encik Amir Hussain Md Ishak (P 0272).

Makluman

5 Menerima serta menimbangkan cadangan usul.

Pengerusi membentangkan dua usul bertulis.

5.1 Usul Satu: Stok penerbitan PPM diletakkan di laman web PPM

Pencadang: Puan Balqis Suja' (P 0433)

Pencadang memberi penjelasan dan latarbelakang usul ini. Penerbitan PPM perlu diletakkan di laman sesawang PPM supaya boleh diakses oleh ahli. Encik Ahmad Junaidi Tajuddin (P 569) mencadangkan usul ini diluluskan. Usul ini diterima pakai dengan sebulat suara.

Tindakan: Majlis PPM

5.2 Usul Dua: Penganjuran Hari Pustakawan / Perpustakaan Malaysia (HPM)

Pencadang: Encik Ali Rashid (P 0977)

Pencadang memberi penjelasan dan latarbelakang usul ini. Hari Pustakawan perlu dianjurkan setiap tahun. Puan Noor Hasanah Mohd Hanafi (P 1366) mencadangkan usul ini diluluskan. Usul ini diterima pakai dengan sebulat suara.

Tindakan: Majlis PPM

6 Hal-hal lain

Mesyuarat mengambil perhatian mengenai perkara berikut dan akan dibincangkan oleh Majlis akan datang.

6.1 Encik Muhammad Akmal Ahmat (P1528) menyarankan agar pembelian aset diteruskan. Beliau turut membangkitkan cadangan sumbang saran antara ahli muda dan lama direalisasikan seperti disarankan pada Mesyuarat Agung Tahunan 2014.

Tindakan: Majlis PPM

6.2 Kepada usul yang dibangkitkan oleh Encik Ali Rashid mengenai Hari Pustakawan, Puan Hajjah Nafisah Ahmad (L 050) selaku Ketua Pengarah Perpustakaan Malaysia akan berusaha untuk mendapatkan persetujuan Kerajaan bagi mengisytiharkan 6 Jun setiap tahun sebagai Hari Pustakawan diperingkat kebangsaan melalui Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dengan syarat jumlah ahli meningkat 80% dari daftar keahlian dalam masa 2 bulan.

Makluman

6.3 Puan Rashidah Bolhassan (P 0555) selaku pengerusi Jawatankuasa Perpustakaan Awam menyeru penglibatan perpustakaan awam lain dan perpustakaan kerajaan tempatan selain daripada ahli MAPAM.

Makluman

6.4 Encik Amir Hussain Md Ishak (P 0272) mencadangkan persatuan meningkatkan bilangan ahli dengan merekrut ahli dari kalangan pustakawan yang sudah bersara. Beliau turut mencadangkan Jurnal PPM ditukar kepada nama yang lebih mencerminkan persatuan dan bukan akronim PPM.

Tindakan: Majlis/JK Keahlian & Promosi/JK Penerbitan

- 6.5 Puan Nor Shamsinar Baharom (P 1441) mencadangkan aktiviti jelajah penandaarasan diteruskan. Beliau turut memaklumkan emel ahli perlu dikemaskini kerana ada ahli yang tidak terima hebahan melalui emel dari PPM.

Tindakan: Majlis PPM/JK Keahlian & Promosi

- 6.6 Encik Yahya Farid Haji Kamaluddin (A 555) memaklumkan beberapa perkara iaitu:
- pelajar menjalani latihan industri perlu melibatkan diri dalam aktiviti organisasi
 - keperluan merekrut keahlian di kalangan pustakawan di pusat sumber MRSM
 - keperluan kemahiran ihsaniah di kalangan pustakawan muda bagi menyediakan mereka untuk berinteraksi dengan masyarakat

Makluman

- 6.7 Dato Zawiyah Baba (L 035) menekankan perlunya pustakawan menulis dan boleh menyumbang kepada Jurnal PPM atau jurnal-jurnal lain. Bagi menggalakkan penulisan, beliau mencadangkan
- pengiktirafan diberikan kepada pustakawan menulis dengan meletakkannya sebagai KPI atau diberi markah penilaian
 - PPM membimbing pustakawan untuk menulis melalui bengkel penulisan
 - PPM mengadakan semula Hadiah Penulisan PPM

Tindakan: Majlis PPM

- 6.8 Puan Suzliana Abdul Hamid (P 0926) mencadangkan direktori keahlian PPM dianalisis untuk mengenalpasti kekurangan keahlian mengikut jenis Perpustakaan bagi memastikan kempen yang bersesuaian dijalankan. Beliau turut mencadangkan sambutan Hari Pustakawan Malaysia pada 6 Jun dijalankan pada skala besar dengan mengadakan karnival dan sebagainya.

Tindakan: Majlis PPM

- 6.9 Encik Japri Bujang Masli (P 0812) mencadangkan PPM mengambil kesempatan dari kepengerusian Malaysia bagi ASEAN 2015 untuk mendapatkan pengiktirafan kepada pustakawan Malaysia sebagaimana yang sedang diusahakan oleh Perpustakaan Nasional Republik Indonesia (PENRI) dan Ikatan Pustakawan Indonesia (IPI).

Tindakan: Majlis PPM

- 6.10 Encik Ali Rashid (P 0977) memaklumkan PNM menawarkan perkhidmatan pinjaman secara berkelompok. Beliau turut mengumumkan PPM Kumpulan Sabah akan mengadakan program Jelajah Jakarta dari 19 hingga 23 April 2015 dan menjemput ahli yang berminat untuk menyertai.

Makluman

- 6.11 Puan Hashimah Mohd Yusoff (P 0470) mencadangkan PPM mendapatkan penaung sama ada dari Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan atau Kementerian Pelajaran.

Tindakan: Majlis PPM

- 6.12 Puan Hikmah Hassan (P 1353) melahirkan rasa bimbang akan martabat profesion pustakawan lantaran pelajar yang menjalani praktikal tidak bersedia dari segi fizikal dan mental. Beliau mencadangkan agar institusi pengajian tinggi yang menawarkan program

sains perpustakaan dan maklumat memantapkan kurikulum sains perpustakaan dan maklumat.

Dr. Basri Hassan (P 0483) selaku Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan Sains Perpustakaan dan Maklumat memaklumkan PPM telah mengadakan beberapa siri mesyuarat dengan Dekan/Ketua Jabatan dari lima (5) universiti yang menawarkan program sains perpustakaan dan maklumat.

Makluman

Encik Azman Hashim (P 1749) menyarankan semua pustakawan mengambil tanggungjawab bersama untuk melatih pelajar-pelajar dari program sains perpustakaan dan maklumat melalui latihan/sangkutan industri.

Makluman

Dr. Che Zainab Abdullah (P 1526) mengucapkan terima kasih kepada semua perpustakaan yang mengambil pelajar UiTM untuk latihan industri. Pelajar telah dimaklumkan bahawa mereka perlu melibatkan diri dengan kegiatan di organisasi di mana mereka menjalani latihan/sangkutan industri.

Makluman

6.12 Encik Japri Bujang Masli (P 0812) memohon penyertaan semua perpustakaan bagi menjayakan program Jom Baca Bersama yang akan diadakan pada 23 April 2015 pada pukul 10.00 pagi selama 10 minit.

Makluman

7. Ucapan penungguhan

Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan mengharapkan sokongan dan sumbangan yang berterusan daripada ahli demi kemajuan dan martabat profesion. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1:20 tengahari.

Disediakan oleh:

RATNAWATI SARI MOHAMAD AMIN
Setiausaha Kehormat PPM

Saya mengesahkan minit ini sebagai rekod sebenar Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Pustakawan Malaysia yang telah diadakan pada 30 Mac 2015.

DR NOR EDZAN CHE NASIR
Presiden PPM
30 April 2015

Lampiran 1

SENARAI KEHADIRAN

Lampiran 2

MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN 2014/2015

- A. Ucapan alu-aluan oleh Presiden PPM
Dr Nor Edzan Che Nasir selaku Presiden PPM bagi penggal 2014/2016 telah menyampaikan ucapan beliau (Lampiran 3).
- B. Ucaptama dan perasmian sempena mesyuarat agung
Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, YBrs. Puan Hajjah Nafisah Ahmad telah menyampaikan ucaptama dan seterusnya merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan PPM 2014/2015. (Lampiran 4).
- C. Penyampaian anugerah, pingat dan sijil penghargaan
Perasmi telah sudi menyampaikan anugerah berikut:
i. Pingat Emas Pelajar Terbaik Program Sarjana Muda Sains Perpustakaan UiTM
ii. Pingat Emas Pelajar Terbaik Program Sarjana Sains Perpustakaan UIAM
iii. Pingat Emas Tesis Terbaik Program Pasca Ijazah Sains Perpustakaan UM
- D. Majlis perasmian tamat dengan lawatan ke pameran dan jamuan minum pagi.

Lampiran 3

TEKS UCAPAN PRESIDEN PPM

Lampiran 4

TEKS UCAPAN PERASMI